

MAJLIS MENANDATANGANI MOU & *TALK ON*
MyCESMM

MALAYSIAN CIVIL ENGINEERING STANDARD METHOD OF MEASUREMENT

*IMPROVING PROJECT DELIVERY THROUGH STANDARDISATION
IN MEASUREMENT*

pada

27 Ogos 2015
Tun Dr. Ismail Hall, PWTC
Kuala Lumpur

UCAPAN ALUAN

OLEH

YBHG. TAN SRI DR. IR. TAJUDDIN MOHD ALI
PENGERUSI, CIDB MALAYSIA

(Salutations to be prepared by Secretariat)

(Salutations)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof
Menteri Kerja Raya Malaysia

2. YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim
Ketua Eksekutif
CIDB Malaysia

3. YBhg. Datuk Ir. Hj Adanan bin Mohamed Hussain
Ketua Pengarah Kerja Raya

Rakan-rakan strategik MoU, pegawai-pegawai kanan kerajaan, dif- dif
kehormat,

YBhg. Dato'-Dato',tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.

[START OF TEXT]

Assalamualaikum WBT,

Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia, tetamu-tetamu kehormat daripada Agensi Kolaborasi MOU, penceramah-penceramah jemputan serta para hadirin ke Majlis Menandatangani MOU dan taklimat mengenai *Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement* atau lebih dikenali sebagai MyCESMM

Hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Majlis pada hari ini merupakan lanjutan daripada 2 majlis yang seumpamanya yang telah diadakan pada tahun 2013 dan 2014 di Sabah dan Sarawak yang telah menyaksikan 11 organisasi menandatangani MOU dengan CIDB untuk mempromosi dan menggunakan MyCESMM dalam pelaksanaan projek-projek kejuruteraan awam.

Pada hari ini, lapan lagi organisasi telah bersetuju untuk menggunakan MyCESMM ke atas projek-projek kejuruteraan awam mereka. Ini merupakan satu perkembangan yang baik dan CIDB berharap kesedaran

daripada penggiat industri berterusan bagi menggunakan MyCESMM bagi meningkatkan profesionalisme industri pembinaan.

Acara kemuncak majlis kita pada pagi ini adalah upacara menandatangani MOU bagi "KERJASAMA UNTUK MEMAJUKAN PENGGUNAAN *MALAYSIAN CIVIL ENGINEERING STANDARD METHOD OF MEASUREMENT* (MyCESMM) DALAM PEROLEHAN PROJEK-PROJEK KEJURUTERAAN AWAM" di antara CIDB Malaysia dan 8 organisasi tersebut iaitu:

- I. Jabatan Kerja Raya (JKR), Malaysia
- II. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN),
- III. Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
- IV. PLUS Malaysia Berhad (PLUS),
- V. Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA),
- VI. Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp),
- VII. Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan;
- VIII. Gamuda Berhad .

Bagi memastikan penggunaan MyCESMM oleh rakan-rakan kolaborasi ini berjalan dengan lancar, CIDB telah mengadakan latihan "train-the-trainer" untuk 38 Jurutera Sivil dan Juruukur Bahan. Persediaan ini membolehkan mereka untuk memberi bimbingan dan latihan tentang tatacara

penggunaan MyCESMM yang betul untuk projek-projek kejuruteraan awam di organisasi masing-masing. Kesemua 38 orang profesional ini akan menerima sijil MyCESMM TRAINER pada hari ini. Syabas saya ucapkan kepada mereka.

Sebelum ini, CIDB juga telah melatih 200 orang professional daripada organisasi-organisasi yang telah pun menandatangani MoU sepanjang tahun 2013 dan 2014. Selain itu, CIDB juga telah mengadakan beberapa seminar bagi meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan MyCESMM kepada para penggiat industri.

Alhamdulillah, menerusi kerjasama dan program-program latihan yang dijalankan, sebanyak 26 projek kejuruteraan sivil telahpun menggunakan MyCESMM dengan sepenuhnya dalam penyediaan senarai kuantiti dan pengukuran semula kuantiti untuk tujuan bayaran.

Untuk makluman tuan-tuan & puan-puan, CIDB sedang mengkaji untuk menjadikan MyCESMM sebagai Malaysian Standard dengan kerjasama SIRIM berhad dan Jabatan Standard Malaysia. Sebagai satu Malaysian Standard, saya percaya MyCESMM akan lebih mudah diterima dan digunakan oleh industri dengan secara meluas.

Tuan-Tuan & Puan–Puan,

Hari ini, kita amat beruntung kerana bakal mendengar daripada dua penceramah yang banyak pengalaman dalam menggunakan MYCESMM, iaitu Datuk Ir. Mohd. Adnan Mohd Nor, seorang Jurutera Perunding Professional dan Sr. Jailani Jasmani yang merupakan seorang Juruukur Bahan Professional. Di harap pembentangan daripada dua penceramah ini nanti akan dapat memberi lebih penjelasan tentang penggunaan MYCESSM.

Di sini, sekali lagi saya akan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato 'Sri Haji Fadillah Hj Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia kerana menyaksikan majlis menandatangani MoU MYCESSM pada hari ini.

Sekian, Terima kasih.

[END OF TEXT]